

*ceramah*

## “GOODS & SERVICES TAX” (GST)

Oleh : Amir Hamzah Ahmad ([amireaha@sarawak.gov.my](mailto:amireaha@sarawak.gov.my))

Pada 21 Februari 2014 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak telah berlangsung ceramah umum bertajuk “Goods and Services Tax (GST)”. Pada awalnya ceramah ini hanya diadakan di Auditorium tetapi atas permintaan ramai, siaran langsung “live atau telecast” turut diadakan di Galeri Pameran. Ceramah ini diadakan untuk memberi maklumat dan gambaran yang lebih jelas berkenaan apa itu GST. Ceramah ini juga akan membantu orang ramai memahami apa sebenarnya tujuan GST diperkenalkan

dan bagaimana cara pelaksanaan cukai ini akan dilakukan. Program yang berlangsung dari jam 2.30 – 4.30 petang ini telah disampaikan oleh Puan Noelle Lily Morse dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak. Seramai 400 orang peserta telah hadir ke ceramah ini. Atas permintaan ramai pihak Pustaka Negeri Sarawak sedang merancang untuk mengadakan ceramah ini untuk kali kedua dalam suku ketiga tahun ini.



■ **SAMBUTAN MENGGALAKKAN..** Siaran ‘live telecast’ diadakan untuk tontonan peserta yang hadir ke ceramah ini.



■ **TERIMA KASIH..** Encik Japri Bujang Masli menyampaikan cenderamata kepada Puan Noelle Lily Morse sebagai tanda penghargaan dan terima kasih.

### INSIDE THIS ISSUE

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>2 Message From Chief Executive Officer</li> <li>3 Kunjungan Hormat Dan Lawatan Penandaarasan MBJ Pustaka Negeri Sarawak Ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)</li> <li>4 2013 Appreciation Reception<br/><br/>Pustaka Miri Turut Serta Dalam Perarakan Maulidur Rasul 1435H Peringkat Bahagian Miri</li> <li>5 Master Your English With Education USA At Pustaka Miri<br/><br/>Hari Bersama Pelanggan Bersempena “The Borneo Post International Education Fair 2014” Di Borneo Convention Centre Kuching</li> <li>6 Workshop On ‘Crocheting Techniques’ Attracted 25 Participants</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>6 Mobile Story Telling</li> <li>7 Bengkel Jejari Kreatif: Batik<br/><br/>Program Jangkauan Ilmu Ke Marudi</li> <li>9 Program Bacaan Kegemaran Saya Siri II</li> <li>10 Staff News</li> <li>11 New Staff</li> <li>12 List Of Visitors To Pustaka Negeri Sarawak<br/><br/>List Of Visitors To Pustaka Miri</li> </ul> |
|---|--|

This Newsletter is published quarterly by  
**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium 93050  
Kuching, Sarawak, Malaysia.

Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944  
Email: [librarian@sarawak.gov.my](mailto:librarian@sarawak.gov.my)

 [pustaka.sarawak](https://www.facebook.com/pustaka.sarawak)  [pustakaswkw](https://twitter.com/pustakaswkw)



[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)

# Message From

## Chief Executive Officer

### EDITORIAL COMMITTEE

#### Advisor

Rashidah Haji Bolhassan

#### Editor-In-Chief

Nesly Rebid

#### Committee Members

Laurena Aloh  
Alya Faeqah Binti Hamali  
Sofina Tan Sofian Tan  
Norzihan Abdullah

Assalamualaikum dan salam sejahtera..

Tahun 2014 telah membuka tirainya. Semestinya pelbagai aktiviti dan program yang bermanfaat telahpun dirancang bagi menepati keperluan serta kehendak masyarakat setempat. Kami menjangkakan lebih ramai lagi orang awam yang akan menggunakan perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak dari semasa ke semasa. Ianya bukanlah satu perkara yang mustahil kerana Pustaka Negeri Sarawak mempunyai koleksi bahan bacaan dan perkhidmatan dalam talian yang berkualiti dan terkini di samping persekitaran perpustakaan yang selesa. Tambahan pula, perkhidmatan kami adalah mesra pengguna kerana tanpa perlu meninggalkan tempat tinggal, anda boleh mengakses koleksi dan perkhidmatan kami secara online.

Selain anjuran aktiviti dan program, kami tidak ketinggalan untuk mempergiatkan dan membudayakan program galakan membaca. Program seperti jangkauan ilmu diadakan secara konsisten yang menyasarkan komuniti luar bandar. Pustaka Miri juga tidak ketinggalan meneruskan usaha menganjurkan program Kembara Ilmu dan Lan Berambah ke kawasan-kawasan luar bandar untuk Wilayah Utara Sarawak. Harapan kami agar budaya membaca menjadi lebih terkenal di kalangan masyarakat Sarawak dan setiap lapisan golongan dan umur.

Saya menyeru kepada anda semua jika anda merupakan pengunjung setia kami maka saya mengalu-alukan cadangan dan juga komen anda. Sesungguhnya cadangan dan komen tersebut dapat mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kami. Hantarkan komen dan cadangan anda melalui [librarian@sarawak.gov.my](mailto:librarian@sarawak.gov.my) atau laman sosial Facebook : [pustaka.sarawak](https://www.facebook.com/pustaka.sarawak) dan Twitter : [pustakaswk](https://twitter.com/pustakaswk).

Rashidah Haji Bolhassan



Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak



## Kunjungan Hormat dan Lawatan Penandaarasan MBJ Pustaka Negeri Sarawak ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

Oleh : Izaruddin Moss ([izaruddin@sarawak.gov.my](mailto:izaruddin@sarawak.gov.my))

Bertarikh 10 April 2014, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan kunjungan hormat dan lawatan penandaarasan ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang disertai seramai 7 orang pegawai terdiri daripada 6 orang ahli MBJ (wakil pekerja) dan seorang wakil daripada pihak Pengurusan. Objektif program tersebut adalah untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan berkenaan tadbir urus serta aktiviti yang dijalankan serta bertukar-tukar pendapat atau pandangan mengenai kaedah penyelesaian isu yang dibangkitkan oleh kakitangan menerusi Majlis Bersama Jabatan.

Semasa berada di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, peserta lawatan telah dibawa untuk melawat ke setiap bahagian di dalam perpustakaan bagi berkongsi idea dan bertukar pandangan mengenai



pengurusan perkhidmatan perpustakaan dan seterusnya mengadakan sesi dialog bersama ahli-ahli MBJ PPAS yang dipengerusikan oleh Encik Sarwani Abdul Jalal merangkap Setiausaha MBJ PPAS.

Seterusnya, pihak MBJ telah berkunjung ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada sebelah petang untuk berjumpa dan seterusnya mengadakan sesi dialog bersama pihak MBJ di jabatan tersebut. Taklimat telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Ahmat Mohaayen Bin Haji Said, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Kunjungan hormat dan lawatan penandaarasan tersebut telah berjaya mencapai objektifnya menerusi perkara-perkara baru yang telah dikongsikan bersama bagi menambahbaik keberkesanan fungsi Majlis Bersama Jabatan Pustaka Negeri Sarawak di samping berkongsi idea untuk faedah dan kebajikan staf Pustaka secara amnya.

### Gambar-gambar semasa sesi kunjungan hormat dan lawatan penandaarasan Majlis Bersama Jabatan, Pustaka Negeri Sarawak:



Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)





# 2013 Appreciation Reception

by Laurena Aloh (laurenaa@sarawak.gov.my)



As a gesture of our appreciation and in honour of all our partners and individuals who have supported us in our activities and programs throughout the year 2013, Pustaka hosted an Appreciation Reception on Friday, 21 February this year. Among the highlights of the program was a welcoming speech delivered by our YBhg. Tan Sri Chairman, Datuk (Dr) Hj. Hamid Bugo. In his speech, he informed the audience on the major collaborations that Pustaka had undertaken in that year, among others was the signing of a Memorandum of Understanding with The Board of Trustees of the Brooke Heritage Trust

of which Pustaka had received heritage materials that consisted of a total of 36,514 digital copies of photos and documents. A way forward for the next two years, he said, would see Pustaka looking into streamlining its services and facilities. This assessment is hoped to enable Pustaka to strengthen its core functions in order to enhance its relevance and importance to its patrons and the public. A slide presentation on Pustaka's 2013 performance was also showcased. The invited guests were then presented with a high-tea reception and a local band was the main entertainer for the afternoon.

## Pustaka Miri

### Turut Serta Dalam Perarakan Maulidur Rasul 1435H Peringkat Bahagian Miri

Oleh : Sofina Tan Sofian Tan (sofina@sarawak.gov.my)



SEMANGAT UKHWAH... Kontinjen Pustaka Miri bergambar kenang-kenangan sebelum perarakan bermula.

MIRI – Seramai 30 orang staf dan ahli keluarga Pustaka Miri telah menyertai Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul 1434H Peringkat Bahagian Miri pada 14 Januari 2014.

Diketuai oleh Pengurus Wilayah Salina Haji Zawawi, kontinjen Pustaka Miri mempamerkan semangat ukhwa selaras dengan tema ‘Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah’ meskipun dibasahi hujan.

Perhimpunan telah berlangsung di perkarangan Dewan Suarah Miri sebelum perarakan bermula. Perarakan tahun ini telah melalui beberapa jalan utama Bandaraya Miri sebelum berakhir di tapak permulaan.

# Master Your English With Education USA At Pustaka Miri

Oleh : Sofina Tan Sofian Tan (sofina@sarawak.gov.my)



FUN LEARNING... The students having fun spelling out difficult words in English

MIRI – Pustaka Miri once again collaborated with Malaysian – American Commission on Educational Exchange (MACEE) EducationUSA in organizing a program entitled ‘Master Your English’.

Held on 20th March 2014, the program was conducted by Doreen John – Coordinator of MACEE Education USA Advising Center. Nearly 150 secondary and tertiary students as well as teachers and lecturers attended the session.

The program, which was held in the library's Auditorium for two hours, was aimed to enlighten students on ways to improve their English language using word games and teamwork activities.

Doreen also took the opportunity to inform the students on opportunities to study in the United States with the help of MACEE.

## “Hari Bersama Pelanggan Bersempena The Borneo Post International Education Fair 2014” Di Borneo Convention Centre Kuching

Oleh: Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

Pada 22 dan 23 Mac 2013, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bersempena dengan “The Borneo Post International Education Fair 2014” di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK) Sarawak. Beberapa perkhidmatan Pustaka seperti u-Pustaka, Online Database dan E-Book telah diperkenalkan kepada orang awam. Seramai 185 orang telah mendaftar sebagai ahli Pustaka Negeri Sarawak. Para pengunjung yang datang berpeluang mendapat cenderahati menarik dan eksklusif dari Pustaka.



BERMINAT.. Salah seorang pengunjung yang tertarik dengan perkhidmatan Pustaka



MENDAFTAR SEBAGAI AHLI.. Henry Leo membantu salah seorang kanak-kanak yang mendaftar sebagai ahli Pustaka.



## “workshop on Crocheting Techniques” attracted 25 participants

Oleh : Sofina Tan Sofian Tan (sofina@sarawak.gov.my)

**MIRI** – A total of 25 participants attended ‘Crocheting Techniques’ Workshop held on 8th March 2014.

Pustaka Miri organized the workshop with the assistance of a local crochet enthusiast – Susana Clement. She shared her skills and gave tips on how to crochet items such as doilies, vase and cushion covers, dolls and other decorative items.

This favorite pastime can also be an easy side income source for stay-at-home and working mothers.



**CONCENTRATE...**  
All you need is some crocheting yarns and a crochet hook or needle.

**HANDS-ON...**  
Susana (right) showing some of the participants crochet techniques.



## Mobile Story Telling

Oleh: Norayah Adenan (norayaha@sarawak.gov.my) & Georgiana Usun (georginu@sarawak.gov.my)



‘Mobile Story Telling’ merupakan salah satu program bulanan yang dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Maklumat. Objektif program ini adalah sebagai salah satu inisiatif untuk menyemai tabiat membaca dikalangan kanak-kanak serta meransang minat membaca secara berterusan.

‘Mobile Story Telling’ pertama telah diadakan di Tadika Perpaduan Bandar Baru Permyjaya pada 19 Februari 2014. Program tersebut telah dijalankan di kelas Kiambang yang terdiri daripada 27 orang murid berumur antara 5 tahun dan 6 tahun. Pegawai yang ditugaskan untuk sesi kali ini adalah Encik Mohd Nizam dan Puan Norayah. Turut membantu adalah pegawai daripada Unit



Local Agenda 21 (LA21) seramai 2 orang dan 5 orang pelajar sangkutan UITM. Aktiviti dimulakan dengan sesi bercerita oleh Pn. Norayah Adenan dan Encik Mohd. Nizam dan seterusnya sesi tayangan video bertemakan alam sekitar semulajadi dan permainan dari Unit LA21.

Sesi yang kedua telah diadakan di Tadika Hope Montessori di Senadin pada Rabu, 19 Mac 2014 dengan penyertaan seramai 35 orang kanak-kanak. Kanak-kanak begitu seronok dan memberi maklumbalas yang sangat baik di sepanjang sesi ini diadakan. Melalui penganjuran aktiviti ini, diharapkan dapat menyemai amalan membaca di kalangan warga cilik kita dan seterusnya menjadi tulang belakang negara yang berpengetahuan.

## Bengkel Jejari Kreatif: Batik

Oleh : Georgiana Usun (georginu@sarawak.gov.my)

Bengkel Jejari Kreatif : Batik telah diadakan bertempat di Bilik Serbaguna, Pustaka Miri bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari pada 15 Februari 2014 yang lepas. Kumpulan sasaran untuk bengkel ini adalah pelajar sekolah menengah di sekitar bandaraya Miri. Sambutan yang diterima dari pihak sekolah amatlah menggalakan, seramai 92 orang pelajar dan guru telah hadir untuk mengikuti bengkel tersebut.

Bengkel ini bertujuan untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar tentang teknik-teknik lukis batik disamping dapat menanam minat para pelajar dalam bidang tersebut. Fasilitator bengkel adalah Encik Noel Bululok, Artist Batik Tempatan dari Miri. Pada sesi ini, pelajar telah diperkenalkan dengan bahan-bahan yang digunakan, seterusnya cara campuran bahan-bahan iaitu lilin dan warna. Peserta juga dikehendaki berlatih melukis menggunakan canting atau mencanting terlebih dahulu. Selepas itu, setiap kumpulan dikehendaki menyiapkan satu lukisan batik yang bertemakan alam sekitar. Diharap bengkel ini dapat menyuntik semangat pelajar dalam meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang seni dan seterusnya dapat dijadikan kerjaya kepada mereka pada suatu hari nanti.



## Program Jangkauan Ilmu ke Marudi

Oleh : Dorothy Dela (dorityd@sarawak.gov.my)



Unit Luaran dan Promosi, Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Miri memulakan Program Jangkauan Ilmu untuk tahun 2014 ke Marudi. Program ini bermula dari 5 – 7 Mac 2014 dan disertai oleh tiga orang pegawai Pustaka Miri iaitu Puan Lilian Baun Pulo, Cik Dorothy Dela dan Encik Awang Yunos Awang Husain.

Pengalaman menaiki pesawat MasWing Foker awal pagi dari Miri ke Marudi memberi pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Buat pertama kalinya, saya merasai pengalaman penumpang perlu bertimbang terlebih dahulu sebelum menaiki pesawat. Perjalanan hanya mengambil masa selama 20 minit dan seterusnya rombongan singgah di Kedey Bojeng untuk bersarapan.





Menu yang dihidangkan sungguh menyelerakan. Persediaan untuk lokasi berambek pertama dilakukan.

Lokasi pertama pada hari pertama adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Marudi dan rombongan kami disambut mesra oleh guru kaunseling iaitu Cikgu Sharmila Harun serta 70 orang pelajar. Sesi diteruskan dengan memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan kepada pelajar dan seterusnya memberi pendedahan tentang pencarian maklumat yang sahih. Pelajar begitu teruja dengan kaedah yang diperkenalkan kerana mereka sememangnya memerlukan pelbagai bahan untuk tujuan pembelajaran. Dengan kesempatan itu juga, peserta Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2014 mengambil kesempatan bertanya mengenai kaedah mendapatkan bahan-bahan kajian dan rujukan.

Keesokan harinya, rombongan ke SK Good Sheperd. Rombongan kami disambut mesra oleh guru dan pelajar. Program sebelah pagi mensasarkan pelajar pra sekolah dan pada waktu tengahari ialah pelajar Tahun 5 dan 6. Bagi pelajar pra sekolah, sesi bercerita dan sesi kraftangan di adakan, manakala bagi pelajar Tahun 5 dan 6, kelas kemahiran Literasi Maklumat diadakan. Secara keseluruhan seramai 90 pelajar telah menyertai sesi ini. Pelajar begitu seronok dan aktif dalam setiap aktiviti yang diadakan.



Pada hari terakhir di Marudi, sebelum berangkat pulang ke Miri, kami berambek ke Tadika Kemas Kampung Pemandahan. Seramai 42 kanak-kanak menanti kedatangan kami. Sesi bercerita dan aktiviti kraftangan diadakan dengan bantuan kakitangan Jabatan KEMAS Marudi. Seluruh warga tadika telah mendaftar sebagai ahli Pustaka.

Rombongan meninggalkan pekan Marudi dengan harapan perkongsian ilmu dari program ini dapat menyuntik semangat masyarakat ke arah masyarakat berilmu.

# Program Bacaan Kegemaran Saya Siri II

Oleh : Margareta Remang (margaretar@sarawak.gov.my)



Unit Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Miri telah menganjurkan program Bacaan Kegemaran Saya. Program Bacaan Kegemaran Saya Siri 2 ini telah diadakan pada 12 Februari 2014 di Auditorium, Pustaka Miri bermula pada pukul 2.00 hingga 4.30 petang. Kumpulan sasaran untuk program kali ini adalah pelajar sekolah rendah. Sambutan yang diberikan amat menggalakan, seramai 113 orang pelajar dan guru telah hadir untuk mengikuti program ini. Seramai 6 orang pembentang dari 3 buah sekolah rendah sekitar bandaraya Miri telah membentang buku kegemaran mereka. Di antara objektif program ini diadakan adalah untuk menyemai minat membaca di kalangan para pelajar, menggalakkan pelajar terlibat dalam aktiviti berkaitan membaca, berkongsi bahan bacaan kegemaran dengan rakan-rakan dan menyediakan wadah perkongsian maklumat dan ilmu pengetahuan. Pelajar dari Sekolah Kebangsaan Jalan Bintang, adik Angelica Nielin Salomon telah dipilih sebagai pembentang terbaik. Hadiah telah disampaikan oleh Pustakawan Pustaka Miri, Ahmad Samsudin.





# Staff News

## NEW Staff



*Nama Staf:*

**Mohd. Bakthiar Haji Supardi**

*Sektor / Bahagian:*

**Sektor Pengurusan Korporat/Unit Pengurusan Bangunan, Pustaka Miri**

*Jawatan:*

**Juruteknik S17**

*Nama Isteri:*

**Farazila bt. Ali**

*Tarikh Kahwin:*

**17 Januari 2014**



**ALYA AFIKA BINTI PAIRI**

**Jawatan :** Juruteknik Gred J17

**Penempatan :** Unit Pengurusan Bangunan, Sektor Pengurusan Korporat

**Tarikh Mula Melapor :** 2 Januari 2014



**JUNAINAH BINTI BUANG**

**Jawatan :** Pengawal Keselamatan Gred KP11

**Penempatan :** Unit Pengurusan Bangunan, Sektor Pengurusan Korporat

**Tarikh Mula Melapor :** 17 Februari 2014



**MOHAMED SUDIRMAN MOHAMED OMAR**

**Jawatan :** Pengawal Keselamatan Gred KP11

**Penempatan :** Unit Pengurusan Bangunan, Sektor Pengurusan Korporat Pustaka Miri

**Tarikh Mula Melapor :** 3 Mac 2014

## List Of Visitors To *Pustaka Negeri Sarawak*

Date	Visitors
JANUARY 2013	
10	Politeknik Kota Bharu, Kelantan
10	Kolej Matrikulasi Sarawak
22	Kolej PTPL Sarawak
23	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
24	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
24	Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS)
FEBRUARY 2013	
5	Kedutaan US
7	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
13	SK Matang Jaya
14	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
14	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
19	Kolej PTPL
21	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan
28	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan ( Sem 4 )
MARCH 2013	
5	Tadika Rhema
5	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kota Samarahan ( Sem 4 )
7	Perpustakaan Kuala Lumpur Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
14	AJK Persatuan J-Robik Negeri Johor
25	Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol Sri Aman

## List Of Visitors To *Pustaka Miri*

Date	Visitors
FEBRUARY 2013	
17	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Kuala Lumpur
MARCH 2013	
14	Perpustakaan DBP Muara, Negara Brunei Darussalam
21	Perpustakaan DBP Tutong, Negara Brunei Darussalam
25	Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol Sri Aman